

**Isu Sosioemosi dalam kalangan Pelajar Sekolah Rendah di Negeri Sabah  
(*Socioemotional Issues among Primary School Students in Sabah*)**

Jusiah Idang  
Hanisah Halim\*  
Murnizam Halik  
Sabariah Sharif

*Fakulti Psikologi dan Pendidikan  
Universiti Malaysia Sabah*

\*Corresponding e-mail: [hanisahalim551@gmail.com]

This study aims to identify socio-emotional issues that often exist among primary school students, especially in the state of Sabah. The respondents involved were a total of 580 people consisting of teachers in several schools from all over Sabah. Respondents as class teachers are required to evaluate and identify socio-emotional issues that often occur among students based on the questionnaire provided. After analysis, the results showed that the majority of 59.8% or 347 respondents have chosen the answer that shows that various socio-emotional issues exist simultaneously at one time. The issues identified have involved more than one pair of issues for a class that has been assessed by the respondents. Next, 16.9% of respondents chose the issue of "emotional behavior disorder", 8.8% of respondents chose the issue of "changes in the family (divorce, separation)", 6.2% chose the answer of "being alone with peers", and 4% chose the issue of "bullying". The issue of "autism" was realized by 1% of respondents, while 0.7% reported that there was an issue of "death among family members" of their students which caused the socio-emotional level of the students involved. The remaining 2.6% of respondents were aware that all the issues suggested in the answers had been experienced by their students. It is hoped that this study can be used as a guide to understanding more specifically the conflicts that are often experienced by children who are in early school life.

**Keywords:** socio-emotional issues, socio-emotional skills, socio-emotional children, primary school students

Sepanjang tempoh tumbesaran, setiap individu melalui proses-proses perkembangan yang melibatkan beberapa elemen termasuklah elemen fizikal, mental, dan emosi. Setiap elemen asas ini haruslah berkembang dan membangun dengan cara yang sihat dan seimbang bagi membentuk jati diri individu yang berfungsi dengan sepatutnya. Kesemua elemen asas ini bersinergi lalu membentuk apa yang diistilahkan sebagai keupayaan atau kemahiran sosioemosi yang

berperanan besar dalam menentukan sikap dan pembawaan seseorang individu dalam kehidupan sehari-hari. Dalam pengertiannya, kemahiran sosioemosi merujuk kepada pembentukan kemahiran-kemahiran bersosial dan beremosi yang mengintegrasikan elemen kognitif, afektif, dan tingkah laku seseorang individu (CASEL, 2019). Menurut penelitian *Collaborative for Academic, Social, and Emotional Learning* (CASEL), terdapat lima kemahiran

dasas dalam menentukan tahap keupayaan sosioemosi iaitu kesedaran kendiri, pengurusan kendiri, kesedaran sosial, kemahiran berhubungan, dan sikap bertanggungjawab dalam membuat keputusan (*Assessment Work Group*, 2019). Kesemua kemahiran dasas sosioemosi ini akan membawa kepada kesejahteraan psikologi yang sering diterjemahkan dengan kebolehan tertentu seperti kemampuan menyelesaikan masalah atau konflik, mengurus perasaan kendiri, bersikap autonomi, berempati dan mempunyai ketahanan yang tersendiri (Saltali et al., 2018). Pada ketika individu menjalani interaksi dengan persekitaran fizikal dan sosial dalam kerangka biologinya, ia akan mempengaruhi seluruh aspek emosi, tingkah laku, kognitif, serta personalitinya (Santrock, 2014). Dalam kerangka inilah kemahiran sosioemosi berfungsi dalam diri individu.

Jika dilihat elemen sosioemosi ini secara berasingan, pertamanya ia membawa kepada aspek kemahiran bersosial yang merujuk kepada suatu manifestasi tingkah laku yang wajar seperti tingkah laku prososial dengan membantu, altruistik, pembinaan hubungan persahabatan dan penyesuaian kendiri (Stan, 2012). Keduanya, ia melibatkan aspek kemahiran beremosi yang membawa maksud kemampuan seseorang untuk mengenali perasaan, meraih dan membangkitkan perasaan untuk membantu fikiran, memahami perasaan dan maknanya, dan mengendalikan perasaan secara mendalam sehingga membantu perkembangan emosi dan intelektual (Mayer, 2001). Sebagai contoh, daripada sudut sosial, sebaik sahaja seorang kanak-kanak melangkah ke alam persekolahan, elemen sosial merupakan perkara utama yang membelenggu mereka. Hal ini seperti

yang dinyatakan oleh Levine dan Munsch (2014) dalam kajian mereka yang mendapati dua aspek daripada interaksi rakan sebaya iaitu kerapatan persahabatan dan penerimaan atau penolakan umum rakan sebaya menjadi isu besar kepada kanak-kanak seusia ini.

Dalam aspek emosi pula, kanak-kanak seusia 7 hingga 12 tahun yang berada di alam persekolahan sedang bergelut untuk membentuk, membina, mengekspresi, dan mengawal pelbagai jenis emosi. Pada usia ini, kanak-kanak belajar bersimpati dan berempati, cuba memahami emosi dengan cara melihat reaksi persekitaran, berusaha meluahkan emosi dengan menggunakan pelbagai medium, serta mempelajari regulasi emosi serta pengawalan kendiri (Levine & Munsch, 2014).

Pada akhirnya, kedua-dua elemen sosial dan emosi ini berhubung kait apabila didapati bahawa kebanyakan hubungan sosial yang dibina adalah berdasarkan kepentingan-kepentingan tertentu dan dikekalkan oleh kerana lazimnya individu memerlukan pergantungan secara emosi dan mencari kepuasan serta sokongan daripada hubungan sosial tersebut (Holt, Bowlby, & Lea, 2013).

## Latar belakang kajian

Beberapa pengertian dan pemahaman mengenai elemen sosio-emosi ini menunjukkan betapa besarnya peranan serta kepentingannya terhadap pembangunan diri individu yang bermula sedari usia kanak-kanak. Dalam kajian-kajian lepas yang menekankan kepentingan elemen sosioemosi ini, ia sering dikaitkan dengan pembentukan tingkah laku dan jati diri kanak-kanak (Zakaria, Ahmad, dan Noranizah, 2012; McGrath & Van Bergen, 2014), sikap

kebertanggungjawaban sosial (Welsh et al., 2001), serta pemangkin kepada keberhasilan elemen sosio-psikologi seperti kepuasan hidup, daya tahan individu, penyesuaian diri, dan dapat bergiat aktif dalam persekitaran (Rosna, Amrita, & Mohammad Noman, 2015). Ironinya, pelbagai konflik atau isu yang timbul melibatkan perkembangan sosioemosi kanak-kanak dapat dikenal pasti sebagai akibat daripada rendahnya tahap keupayaan atau kompetensi sosioemosi yang dimiliki oleh mereka. Isu-isu yang timbul jika tidak ditangani dengan bijak akan memberi kesan yang negatif terhadap perkembangan diri kanak-kanak dari satu peringkat ke satu peringkat yang lain.

Sebelum dapat ditangani dengan cara yang sesuai dan berkesan, isu-isu berkaitan sosioemosi ini haruslah terlebih dahulu dikenal pasti serta difahami dengan jelas dan terperinci mengikut kepada peredaran masa, norma, serta populasi setempat. Memandangkan pembentukan elemen sosioemosi ini telah bermula seawal usia kanak-kanak, konflik atau isu yang timbul juga pastilah bermula dan harus ditangani di fasa ini. Jika ditinjau kajian-kajian terdahulu, isu sosioemosi yang melibatkan kanak-kanak adalah pelbagai dan melibatkan banyak aspek. Menurut Koponen, Kalland, dan Autti-Ramo (2009), ujian-ujian psikologi yang pernah dijalankan mendapati bahawa kebanyakan kanak-kanak (76 %) dilaporkan mempunyai sekurang-kurangnya satu masalah perkembangan diri, antaranya ialah masalah konsentrasi, perhatian, dan masalah bahasa atau pertuturan. Masalah-masalah ini didapati sedikit sebanyak disumbangkan oleh konflik sosioemosi yang dimiliki oleh kanak-kanak. Menurut Haliza dan Joy (2009) pula, terdapat beberapa tingkah laku yang ditunjukkan oleh murid di sekolah bagi

mendapatkan perhatian guru, antaranya ialah murid sering membuat tingkah laku yang mengundang kemarahan guru. Tingkah laku ini merupakan hasil kegagalan pengurusan dan penonjolan aspek sosioemosi yang seimbang. Jika dilihat dari fakta ini, ia menunjukkan isu kenakalan pelajar di sekolah antaranya berpunca dari keinginan untuk diberi perhatian oleh guru dan rakan-rakan, namun cuba mendapatkannya dengan cara yang salah akibat dari lemahnya aspek pengurusan sosioemosi. Hal ini disokong oleh Noriati, Boon, dan Wong (2010) dalam kajian mereka yang mendapati murid yang mempunyai tahap sosioemosi yang rendah akan menunjukkan sikap-sikap seperti liar, ganas, tidak sabar, kerap mengamuk dan berkecenderungan menunjukkan tingkah laku yang kurang sesuai dengan situasi-situasi normal. Isu lain yang melibatkan kelemahan kemahiran sosioemosi ialah isu penyesuaian diri dalam kalangan pelajar di sekolah yang menurut Azizi dan Yusof (2012), ia berlaku kerana wujudnya konflik dalam diri individu bagi memenuhi kehendak persekitaran.

Dari sudut interaksi sosial, isu pengaruh rakan sebaya merupakan isu yang amat popular bagi pelajar di sekolah. Menurut Haliza dan Joy (2009), pengaruh rakan sebaya yang tidak dikawal dan ditapis boleh mendatangkan masalah disiplin lain dan seterusnya membentuk dinamika kumpulan yang mempunyai nilai dan kecenderungan yang sama. Implikasinya, kebanyakan kumpulan pelajar yang wujud adalah menjurus kepada kumpulan yang melakukan aktiviti pelanggaran disiplin di sekolah. Di sini, kehendak pelajar untuk diterima dalam lingkungan sosial mereka menjadi asas utama kepada isu ini. Pelajar yang terlalu ghairah untuk mendapatkan penerimaan rakan sebaya

tanpa dibimbing untuk berinteraksi dengan baik dan betul membuatkan mereka hanya mengikut telunjuk kumpulan dengan sewenangnya tanpa mempedulikan pelanggaran peraturan dan adab. Menurut Norhayati (2013) pula yang telah membuat kajian ke atas pelajar di tiga buah sekolah agama, isu kemurungan telah dikesan terhadap pelajar yang mempunyai masalah halangan komunikasi, masalah interaksi sosial yang berkaitan dengan pergaulan rakan sebaya, kejutan budaya persekitaran, serta masalah dalaman. Ini bermaksud, isu kemurungan merupakan salah satu isu berkaitan elemen sosioemosi yang dinatijahkan dari rendahnya penguasaan kemahiran bersosial dan beremosi yang dimiliki pelajar sekolah terutamanya.

Isu yang lebih spesifik lagi pernah dikaji oleh Mustillo (2003) terhadap kanak-kanak yang mempunyai masalah kegemukan atau obesiti. Dalam kajian ini mendapati kanak-kanak obesiti sering merasakan mereka dikecualikan dari pelbagai aktiviti dan mempunyai tahap penghargaan serta keyakinan diri yang lebih rendah. Sesetengahnya pula dikatakan mengalami kemurungan dan gangguan rasa keganjilan pada diri. Hal ini berkait rapat juga dengan stigma masyarakat setempat yang memandang negatif kepada masalah obesiti ini. Maka tidak hairanlah kanak-kanak dengan masalah obesiti ini sering dijadikan mangsa buli dan mereka juga jarang bertindak balas terhadap kekasaran terhadap mereka yang mungkin didorong oleh rasa rendah diri dan konflik-konflik dalaman yang lain. Bagi kategori pelajar pintar dan berbakat pula, antara isu sosioemosi yang dapat dikenalpasti dalam kajian Rorlinda et al. (2017) adalah dari aspek isu keadilan sosial dan aspek kesempurnaan. Ketidakselarasan antara kepintaran

kognitif dengan kemahiran interpersonal antara faktor yang mewujudkan tekanan hingga membawa kepada isu kebimbangan, motivasi diri, konsep kendiri, tekanan sosial, malah tekanan hubungan kekeluargaan. Ini menunjukkan isu sosioemosi boleh membelenggu sesiapa sahaja jika tidak ditingkatkan dari masa ke semasa yang akhirnya membantutkan kelebihan-kelebihan lain.

Selain itu, menurut kajian yang dilaporkan oleh Klem dan Connell (2004) mendapati pelajar sekolah menjadi semakin ‘menjauhi’ sekolah apabila mereka beralih daripada peringkat sekolah rendah ke peringkat sekolah menengah, di mana 40 hingga 60 peratus pelajar sekolah menengah menjadi amat ‘menjauhi’ sekolah dalam tempoh itu. Dapatan kajian ini menunjukkan bahawa kekurangan kompetensi sosioemosi dalam kalangan pelajar boleh meningkatkan keseriusan konflik yang timbul sebaik sahaja para pelajar beralih ke peringkat perkembangan yang seterusnya. Bagi kanak-kanak yang berada di sekolah rendah, mereka dikatakan berada di peringkat umur yang mana sedang berlakunya proses evolusi dinamik berkaitan kompetensi sosioemosi (Parhomenko, 2014). Isu dan konflik sosioemosi ini memuncak memandangkan terdapatnya pelbagai perkara baharu yang harus disesuaikan dan dikendalikan oleh kanak-kanak ini apabila mereka baharu sahaja memasuki alam persekolahan.

Interaksi sosial dan pengurusan emosi menjadi komponen penting bagi kanak-kanak pada peringkat ini dalam usaha menyesuaikan diri dengan persekitaran yang baharu dalam fasa hidup mereka. Namun begitu, semua isu tidak semestinya berpunca dari sekolah semata-mata, bahkan keadaan

tempat tinggal dan keluarga yang pincang turut menjadi faktor besar dalam menimbulkan isu sosioemosi dalam kalangan pelajar (Bobbitt & Gershoff, 2016). Isu sosioemosi yang melibatkan keluarga antaranya ialah kegagalan untuk membina kedekatan dengan ibu bapa atau penjaga yang menyebabkan corak yang sama berlaku semasa di sekolah apabila mereka turut gagal membentuk kedekatan dan hubungan yang positif sesama rakan sebaya (Darling-Churchill & Lippman, 2016). Lebih membimbangkan, terdapat isu kanak-kanak agresif yang dilaporkan seawal di peringkat pra-sekolah yang antara lain berpunca dari konflik dari rumah yang gagal memupuk keseimbangan sosioemosi (Siti Zaharah et al., 2018).

Melihat kepada isu-isu sosioemosi yang pernah dikaji dan dilaporkan dengan banyak terutama di luar negara, ia telah membawa kepada pemahaman yang lebih mendalam tentang konflik yang terjadi dalam komuniti dan populasi mereka, lantas mencetuskan pelbagai idea-idea intervensi secara spesifik bagi mempertingkatkan kemahiran sosioemosi yang dimulakan di peringkat kanak-kanak lagi. Oleh itu, kajian ini melihat akan keperluan untuk mengenangkan isu-isu berkaitan sosioemosi dalam kalangan kanak-kanak berdasarkan konteks setempat dan terkini bagi memperdalam kefahaman agar cetusan idea intervensi yang lebih spesifik dan bersesuaian dengan sosio-budaya dapat dikembangkan. Hal ini kerana meskipun isu-isu sosioemosi yang berlaku ini sebenarnya merupakan satu bentuk pendewasaan yang berterusan, namun sekiranya ia dibiarkan berlanjutan tanpa ada tindakan bagi mengendalikannya dengan lebih baik, isu-isu ini pasti akan semakin meruncing dan memberi kesan jangka panjang yang negatif kepada

masyarakat yang sedang dibina. Menyedari akan hal itu, objektif utama kajian ini ialah untuk mengenal pasti isu-isu sosioemosi yang kerap dialami oleh pelajar sekolah rendah terutamanya di negeri Sabah. Kajian ini diharap dapat memberi gambaran yang lebih jelas tentang konflik sosioemosi yang dialami kanak-kanak setempat terutama di peringkat sekolah rendah hingga membawa kepada usaha mempertingkatkan tahap dan penguasaan kemahiran sosioemosi yang lebih mantap.

## Metod

### **Reka bentuk dan prosedur kajian**

Kajian ini telah menggunakan reka bentuk kajian kuantitatif dalam proses pengumpulan dan analisis data. Proses pengumpulan data telah menggunakan kaedah borang soal selidik khusus yang telah dirangka manakala data mentah telah dianalisis menggunakan perisian elektronik SPSS edisi 24.0 bagi membolehkan pengiraan data dibuat secara terperinci dan tepat.

Prosedur kajian ini dimulakan dengan perangkaan borang soal selidik oleh kumpulan penyelidik yang bertuliah dengan mengambil kira objektif kajian, tahap kebolehpercayaan serta kesahan alat kajian. Setelah itu, borang soal selidik diedarkan kepada responden yang terdiri daripada para guru di beberapa buah sekolah rendah di negeri Sabah melalui bantuan para pelajar yang juga dalam kalangan guru di sekolah-sekolah berkenaan tetapi sedang mengikuti Program Pengiswazahan Guru (PPG) di tempat pengkaji. Apabila para pelajar ini pulang ke sekolah masing-masing, borang soal selidik akan diedarkan dalam kalangan rakan sejawat mereka. Para guru yang telah diberikan borang soal selidik oleh pelajar PPG dari sekolah masing-masing ini akan

dimaklumkan untuk mengisi borang soal selidik tersebut dalam jangka masa yang ditetapkan iaitu selama 2 minggu sebelum borang tersebut dikembalikan semula. Penyertaan responden adalah secara sukarela tanpa bernama. Setelah pengumpulan semula borang soal selidik dibuat, pelajar-pelajar PPG ini akan mengembalikan semula borang soal selidik yang telah diisi kepada pengkaji untuk pengkaji meneruskan langkah seterusnya iaitu menganalisis data mentah tersebut.

### **Subjek dan lokasi kajian**

Subjek kajian ini terdiri daripada 580 orang responden yang mana kesemuanya terdiri daripada kalangan para guru yang berkhidmat di beberapa buah sekolah rendah yang berada di seluruh pelusuk negeri Sabah. Para guru ini telah dipilih secara rawak tanpa mengambil kira latar belakang demografi. Lokasi kajian ini bertempat di beberapa buah sekolah rendah di Negeri Sabah.

### **Alat kajian**

Alat kajian atau instrumen yang digunakan dalam kajian ini ialah borang soal selidik Tinjauan Pembelajaran Sosial dan Emosi Kanak-kanak Sekolah Rendah yang telah direkabentuk oleh kumpulan penyelidik bertauliah dalam kajian ini dengan merangka soalan khas bagi tujuan kajian ini. Instrumen ini telah memperoleh status kesahan setelah melalui proses penilaian dan semakan oleh pakar akademik bagi membolehkannya digunakan dalam kajian. Bagi status kebolehpercayaan, nilai Cronbach Alpha berada pada tahap sederhana yang memuaskan iaitu  $\alpha = 0.703$ . Menurut George dan Mallery (2003), nilai koefisians kebolehpercayaan  $\alpha = > 0.7$  menunjukkan kebolehpercayaan instrumen berada pada tahap yang baik

dan memadai bagi instrumen yang pertama kali digunakan.

Borang soal selidik ini mengandungi dua bahagian iaitu Bahagian A berkaitan maklumat demografi subjek seperti jantina, umur, etnik, tempoh bekerja, pendidikan ikhtisas, pendidikan akademik, kelas mengajar, dan sekolah. Bahagian B pula terdiri daripada tujuh soalan yang berkaitan tinjaun pembelajaran sosial dan emosi. Untuk bahagian ini, soalannya adalah berbentuk pemeringkatan skala dan juga aneka pilihan. Namun begitu, ruang jawapan kosong juga disediakan di kebanyakan soalan untuk membolehkan responden memberikan jawapan tambahan serta memberikan komen atau ulasan berkenaan jawapan yang dipilih agar dapat menguatkan jawapan yang diberi.

### **Keputusan**

#### **Isu sosioemosi dalam kalangan pelajar sekolah rendah**

Bagi mengenal pasti isu sosioemosi yang paling kerap wujud di sekolah rendah, data dianalisis berdasarkan kekerapan atau frekuensi sesuatu isu dipilih oleh responden. Analisis deskriptif untuk melihat perbezaan peratusan jawapan yang dipilih telah dijalankan di mana pilihan jawapan tersebut ialah isu “perubahan dalam keluarga (perceraian, perpisahan)”, “buli”, “menyendiri daripada rakan sebaya”, “kematian dalam kalangan ahli keluarga”, “gangguan tingkah laku emosi”, “autism”, “kebanyakannya isu yang di atas”, dan “semua isu di atas”. Pilihan jawapan (isu) yang dicadangkan ini dibuat berdasarkan penelitian awal melalui laporan-laporan isu yang biasa berlaku di peringkat setempat dan global, kajian-kajian lepas, konteks budaya setempat, dan panduan teori-teori yang berkaitan sebelum borang soal selidik ini

dirangka oleh kumpulan penyelidik. Ini juga bertujuan memudahkan responden mengenal pasti isu yang berlaku dengan istilah yang bersesuaian. Walau bagaimanapun, responden juga diberi peluang untuk menambah atau mengemukakan sebarang isu selain daripada yang telah disenaraikan dalam pilihan jawapan, namun tiada seorang responden pun yang memberikan isu tambahan.


Setelah dianalisis, hasil dapatan menunjukkan isu sosioemosi yang kerap terjadi dalam kalangan pelajar sekolah rendah berdasarkan pengamatan responden adalah pelbagai apabila majoriti iaitu 59.8% atau 347 orang responden daripada 580 orang telah memilih jawapan “kebanyakan isu yang di atas”. Isu sosioemosi yang terjadi ini mungkin melibatkan lebih dari satu gandingan isu bagi sesebuah kelas yang pernah dinilai oleh

responden.

Jika dilihat satu per satu bagi pemilihan jawapan yang lain pula, 16.9% responden memilih jawapan isu “gangguan tingkah laku emosi”, 8.8% responden memilih isu “perubahan dalam keluarga (perceraian, perpisahan)”, 6.2% memilih jawapan “menyendiri dari rakan sebaya”, dan 4% memilih isu “buli”. Isu “autism” pula disedari oleh 1% responden, manakala 0.7% melaporkan terdapatnya isu “kematian dalam kalangan ahli keluarga” pelajar mereka yang menyebabkan terganggunya tahap sosioemosi pelajar terbabit. Responden yang selebihnya iaitu 2.6% menyedari bahawa semua isu yang dicadangkan dalam jawapan pernah dialami oleh para pelajar mereka. Jadual 1 dan rajah 1 di bawah menunjukkan ringkasan keseluruhan hasil dapatan.

*Jadual 1*  
Isu sosio-emosi pelajar sekolah rendah

| Isu PSE dalam Kelas                               | Kekerapan | Peratusan | Peratusan Kesahan | Peratusan Kumulatif |
|---|-----------|-----------|-------------------|---------------------|
| perubahan dalam keluarga (perceraian, perpisahan) | 51        | 8.8       | 8.8               | 8.8                 |
| Buli  | 23        | 4.0       | 4.0               | 12.8                |
| menyendiri daripada rakan sebaya                  | 36        | 6.2       | 6.2               | 19.0                |
| kematian dalam kalangan ahli keluarga             | 4         | .7        | .7                | 19.7                |
| gangguan tingkah laku emosi                       | 98        | 16.9      | 16.9              | 36.6                |
| Autisma   | 6         | 1.0       | 1.0               | 37.6                |
| kebanyakan yang di atas                           | 347       | 59.8      | 59.8              | 97.4                |
| semua yang di atas                                | 15        | 2.6       | 2.6               | 100.0               |
| Total   | 580       | 100.0     | 100.0             |                     |



Rajah 1 Isu sosio-emosi pelajar sekolah rendah

### Perbincangan dan kesimpulan

Hasil dapatan keseluruhan kajian ini pada asasnya adalah selari dengan Teori Psikososial Erikson yang mengusulkan bahawa kanak-kanak pada tahap ini sememangnya berada dalam konflik diri dan sosial yang pelbagai (Levine & Munsch, 2016). Hal ini kerana dapatan kajian menunjukkan majoriti guru dapat mengesahkan pelbagai atau lebih dari satu isu sosioemosi yang wujud pada pelajar mereka. Dapatan ini sekaligus menyokong dapatan Koponen, Kalland, dan Autti-Ramo (2009) yang menemukan sekurang-kurangnya satu masalah perkembangan diri dalam ujian-ujian psikologi yang dijalankan ke atas kanak-kanak. Seperti juga yang diusulkan oleh Teori Psikososial Erikson, pada tahap 7 hingga 12 tahun, para pelajar berada dalam peringkat industri melawan rasa rendah diri. Pelajar perlu menguasai kemahiran-kemahiran tertentu di dalam persekolahan seperti kemahiran bersosial atau bergaul dengan persekitaran, berinteraksi dengan rakan

sebaya, kemahiran mengurus emosi dengan baik serta berempati bagi menerbitkan rasa industri atau kompetitif untuk bersaing secara proaktif. Kegagalan untuk beradaptasi dengan baik akan membawa kepada rasa rendah diri dan rasa tidak berupaya yang seterusnya membawa kepada isu dan konflik sosioemosi yang lainnya. Sebagai contoh, pelajar yang terlalu bersikap pemalu dan rendah diri akan berisiko menjadi mangsa buli rakan sebaya yang lain, di mana kejadian sering dibuli itu pula akan mendatangkan tekanan terhadap fizikal, emosi dan pemikiran pelajar lantas boleh mengundang gejala pengasingan diri dan kemurungan. Dalam erti kata lain, seseorang pelajar yang dikesan mempunyai satu isu sosioemosi didapati berpotensi besar untuk memiliki isu sosioemosi yang lain akibat dari satu isu dasar yang membelenggu dan gagal diselesaikan di peringkat awal. Antara isu dasar yang berpotensi menimbulkan pelbagai isu sosioemosi yang lain termasuklah gagal mendapat perhatian yang mencukupi (Haliza & Joy, 2009),

dibuli dan diganggu rakan sebaya (Noriati, Boon, & Wong, 2010), masalah halangan komunikasi, interaksi, dan kejutan budaya (Norhayati, 2013), serta isu fizikal seperti obesiti (Mustillo, 2003). Inferensi ini mungkin dapat menjelaskan hasil dapatan yang menunjukkan pelbagai atau lebih dari satu isu sosioemosi telah wujud dalam satu-satu masa bagi seseorang pelajar yang dinilai. Gandingan isu-isu ini saling berkait dan ditonjolkan dengan pelbagai tingkah laku dan ragam yang sekiranya tidak dirungkai dan diselesaikan akan membawa kepada pembentukan personaliti yang bermasalah di kemudian hari.

Selain itu, hasil dapatan ini juga mungkin dipengaruhi oleh sejauh mana tahap kemampuan penilaian dan pemerhatian responden terhadap para pelajar yang diamati. Kemampuan penilaian ini pula dipengaruhi oleh faktor tahap pendidikan responden selaku guru yang membuat penilaian terhadap isu yang dihadapi pelajarnya. Hal ini telah diperincikan dalam kajian Hanisah et al. (2019) yang mana hasil daripada pekali regresi telah menunjukkan hubungan yang signifikan antara taraf pendidikan seseorang guru dengan corak pemilihan jawapan bagi isu sosioemosi yang disedari. Guru dengan taraf pendidikan yang lebih tinggi dikatakan lebih kritikal dalam meneliti tingkah laku dan perubahan sikap yang ditunjukkan oleh para pelajar mereka dari semasa ke semasa. Hal ini mungkin boleh dikaitkan dengan tahap motivasi diri yang lebih tinggi yang ditunjukkan oleh guru yang lebih tinggi pendidikannya (Fullan, 2008). Guru dengan pendidikan yang lebih rendah didapati kurang mengambil bahagian dalam mengutarakan sesuatu pandangan dan penilitian yang disebabkan oleh perasaan rendah diri

akibat jurang pendidikan (Collie et al., 2015). Dalam maksud yang lain, taraf pendidikan guru boleh mempengaruhi tahap kepekaan dalam mengesan isu sosioemosi yang berlaku dalam kalangan pelajar yang menyebabkan pilihan jawapan yang diberikan adalah pelbagai atau lebih dari satu isu.

Kepelbagai konflik atau isu sosioemosi yang dikesan dalam satu-satu kelas atau kelompok pelajar juga menunjukkan cabaran yang harus ditempuh bagi seseorang guru dalam mengendalikan para pelajarnya. Terdapat isu-isu yang mampu ditangani secara langsung oleh para guru dengan menggunakan kebijaksanaannya seperti dalam isu gangguan tingkah laku dan emosi, isu menyendiri dari rakan sebaya, buli dan seumpamanya, namun terdapat isu-isu khusus yang memerlukan kepada intervensi yang lebih sistematik dan klinikal seperti dalam isu pelajar autism, isu perubahan dalam sistem keluarga pelajar, serta isu-isu di luar capaian para guru. Oleh itu, kaedah dalam membantu menangani isu-isu ini harus juga dipelbagaikan dengan menggandingkan keperluan dan kepakaran yang ada di sekolah dan di luar sekolah. Intervensi yang komprehensif harus dikaji dan dirangka dari masa ke semasa berdasarkan isu-isu yang dikemukakan dalam kajian ini agar keberkesanannya lebih tinggi kerana menyasarkan isu-isu ini secara langsung. Dalam pada itu, isu-isu yang berjaya dikesan ini juga merupakan salah satu indikator bahawa penggunaan kemahiran sosioemosi pelajar harus diberi perhatian. Oleh itu, usaha-usaha ke arah meningkatkannya harus dijalankan serentak dengan usaha menangani isu-isu tersebut.

Kesimpulannya, kajian ini adalah sebuah tinjauan yang ringkas dan

mempunyai limitasi-limitasi yang dapat diperbaiki oleh kajian-kajian yang akan datang. Antara limitasi yang wujud ialah kajian ini mungkin dapat mewakili sebahagian kecil komuniti pendidikan sahaja dan tidak dapat digeneralisasikan. Oleh itu, pengkajian yang lebih berskala besar dan menyeluruh boleh dilaksanakan pada masa-masa akan datang. Selain itu, kajian ini juga mempunyai limitasi dalam aspek menperkembangkan penelitian kerana kaedah yang digunakan adalah berbentuk kuantitatif. Kajian ini mungkin dapat diperdalamkan sekiranya campuran kaedah kualitatif turut digunakan untuk lebih memahami isu yang dikaji. Akhir sekali, dicadangkan agar kajian ini dapat dikembangkan dengan meneliti isu-isu yang dikemukakan dengan lebih khusus dan mendalam serta dapat membawa kepada pengkajian yang disertakan dengan solusi kepada isu-isu ini. Isu-isu sosioemosi ini harus dipandang berat kerana ia melibatkan kualiti pencapaian diri para pelajar kita baik dari segi akademik mahupun sahsiah yang jika tidak ditangani akan membawa kepada kerumitan yang berpanjangan.

### **Penghargaan**

Penyelidikan ini telah mendapat dana pembudayaan penyelidikan (RAGS) berupa grant daripada Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia (RAG0057-SSI-2014). Terima kasih diucapkan kepada semua yang terlibat secara langsung atau tidak langsung sepanjang penyelidikan ini dijalankan.

### **Rujukan**

Assessment Work Group.  
(2019). Student social and emotional competence assessment: The current state of

the field and a vision for its future. *Collaborative for Academic, Social, and Emotional Learning*, 2(1).

Azizi Yahaya & Yusof Boon (2012).

Kecerdasan emosi dan hubungannya dengan pencapaian akademik dan tingkah laku pelajar. *Jurnal Pendidikan Awal Kanak-kanak*, 43(2), 99-131.

Bobbitt, K. C. & Gershoff, E. T.

(2016). Chaotic experiences and low-income children's social-emotional development. *Children and Youth Services Review*, 70, 19-29.

CASEL (2019). What is SEL?

<https://casel.org/what-is-sel/>

Darling-Churchill, K. E. & Lippman,

L. (2016). Early childhood social and emotional development: Advancing the field of measurement. *Journal of Applied Developmental Psychology*, 45, 1-7.

<http://dx.doi.org/10.1016/j.appdev.2016.02.002>

Fullan, M. (2008). *What's worth fighting for in headship?*.

London, UK:  
McGraw-Hill International.

George, D., & Mallory, P. (2003).

SPSS for Windows Step-by-Step: A Simple Guide and Reference, 14.0 update (7th Ed). [http://lst-iiep.unesco.org/cgi-bin/wwwi32.exe/in=epidoc1.inj/?t2000=026564/\(100\).](http://lst-iiep.unesco.org/cgi-bin/wwwi32.exe/in=epidoc1.inj/?t2000=026564/(100).)

- Haliza Hamzah & Joy Nesamalar Samuel (2009). *Siri pendidikan guru pengurusan bilik darjah dan tingkah laku*. Shah Alam: Oxford Fajar.
- Hanisah Halim, Jusiah Idang, Guan, Teik Ee, Murnizam Halik, & Sabariah Sharif (2019). Tinjauan perspektif guru terhadap kepentingan pembelajaran sosio-emosi dalam meningkatkan kompetensi sosio-emosi pelajar sekolah rendah di Sabah. *Journal of Advanced Research in Social and Behavioural Sciences*, 18 (1). pp. 1-11.
- Holt, L., Bowlby, S., and Lea, J. (2013). Emotions and the habitus: Young people with socio-emotional differences (re)producing social, emotional and cultural capital in family and leisure space-times. *Journal of Emotions, Space and Society*, 9(1), 33-41.
- Klem, A. M. & Connell, J. P. (2004). Relationships Matter: Linking Teacher Support to Student Engagement and Achievement. *Journal of School Health*, 74(7), 262-279. DOI: [10.1111/j.1746-1561.2004.tb08283.x](https://doi.org/10.1111/j.1746-1561.2004.tb08283.x)
- Koponen, A. M., Kalland, M., & Autti-Rämö, I. (2009). Caregiving environment and socio-emotional development of foster-placed FASD-children. *Children and Youth Services Review*, 31 (9), 1049-1056.
- Levine, L. E., & Munsch, J. (2014). *Child development: an active learning approach* (2nd ed.). SAGE Publications : Kanada.
- Mayer, J. D. (2001). *A field guide to emotional intelligence*. In J. Ciarrochi, J. P. Forgas, & J. D. Mayer (Eds.), *Emotional intelligence in everyday life: A scientific inquiry* (p. 3–24). Psychology Press.
- McGrath, K. F. & Bergen, P. V. (2014). Who, when, why and to what end? Students at risk of negative student-teacher relationships and their outcomes. *Educational Research Review*, 14 (2015) 1–17
- Mustillo, S. (2003). Obesity, labelling, and psychological distress in black and white girls: The distal effects of stigma. *Jurnal of Social Psychology*, 43, 1-30.
- Norhayati Binti Ya'acob (2013). Kajian terhadap faktor kemurungan bagi pelajar darjah empat, darjah lima, dan darjah enam di tiga buah sekolah agama daerah Johor Bahru, Johor Darul Ta'zim Malaysia. *Jurnal Pengajian Islam*, 2, 54-68.
- Noriati Abdul Rashid, Boon Pong Ying, & Wong Kiet Wah (2010). *Asas kepimpinan dan perkembangan professional guru*. Shah Alam: Oxford Fajar.
- Parhomenko, K. (2014). Diagnostic Methods of Socio – Emotional Competence in Children. *Third Annual International Conference (Early Childhood Care and Education)*, 146, 329-333.

- Rorlinda Yusof, Noriah Mohd Ishak, Siti Aishah Hassan, & Afifah Mohd Radzi (2016). Kajian jatidiri dan tekanan isu sosio-emosi dalam kalangan pelajar pintar dan berbakat. *Jurnal Psikologi Malaysia*, 30 (2), 42-60.
- Rosna Awang-Hashim, Amrita Kaur, & Mohammad Noman (2015). The interplay of socio-psychological factors on school engagement among early adolescents. *Journal of Adolescence*, 45, 214-224.
- Siti Zaharah Ahmad, Lee Jun Choi, & Sawan @ Mohammad Syawal Narawi (2018). Efikasi diri guru dalam menangani kanak-kanak agresif di pra-sekolah : satu kajian kes di negeri Kedah Darul Aman. *Journal of Education and Social Sciences*, 9 (2).
- Saltali Og Lu, Neslihan Durmus, & Imir, H. (2018). Parenting Styles as a Predictor of the Preschool Children's Social Behaviours. *Participatory Educational Research*, 5 (2), 18-37.  
DOI:[10.17275/PER.18.10.5.2](https://doi.org/10.17275/PER.18.10.5.2)
- Stan, M. M. (2011). The role of parental styles the socio-emotional competence of children at the beginning of school years. *Social and Behavioral Sciences*, 33, 811-815.
- Welsh, M., Parke, R. D., Widaman, K., & O'Neil, R. (2001). Linkages between children's social and academic competence: A longitudinal analysis.
- Journal of School Psychology*, 39, 463-481.
- Zakaria Stapa, Ahmad Munawar Ismail, & Noranizah Yusuf (2012). Faktor persekitaran social dan hubungannya dengan pembentukan jati diri. *Jurnal Hadhari Special Edition*, 155-172.